

Puja Pantai Sarawak

Puja Pantai Sarawak, atau Pesta Kaul, memperkenalkan budaya Melanau.

Oleh **NIK MOHD. IZANAN TUAN YAAKUB**

Di Sarawak Pesta Kaul, disambut seluruh Bahagian Mukah seperti daripada Igan, Oya, Balingian, Daro dan banyak lagi. Setiap komuniti akan cuba mempersembahkan bentuk budaya masing-masing untuk diperkenalkan kepada masyarakat luar. Antaranya, pameran kraf tangan dan makanan tradisional masing-masing.

Mukah terkenal dengan produk (makanan atau kraf tangan) berasaskan sagu. Antaranya tebaloi, si'et (ulat sagu), sagu, tipus dan banyak lagi. Ada juga komuniti yang mengambil inisiatif dengan mempersembahkan cara-cara memproses sagu cara tradisi. Dengan menjenguk setiap komuniti, dapatlah pengunjung mencuba setiap makanan tradisional yang dipersembahkan termasuk si'et.

Dahulu, Pesta Kaul lebih kepada ritual pemujaan pantai untuk memohon restu daripada dewa laut. Kini, sejak bertapaknya agama Kristian dan Islam di Mukah, Pesta Kaul lebih kepada pesta sosiobudaya, untuk memperkenalkan budaya etnik Melanau kepada masyarakat luar. Dengan ini, para pelancong dapat mendekati budaya masyarakat Melanau secara lebih dekat lagi.

Untuk memantapkan lagi Pesta Kaul, diadakan beberapa acara tambahan. Antara lain ialah persembahan tarian daripada Daerah Kecil Igan menerusi Kumpulan Anak-Anak Seni Igan (KUMASIG), Tarian Mengempin daripada

Kumpulan Tarian Daerah Matu, Persembahan Gendang Melayu yang diimport khas dari Kuching dan Kumpulan Kebudayaan Lamin Dana. Paling unik ialah Tarian Lebok Dana daripada Kumpulan Tarian Jabatan Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri Sarawak yang memakan masa hampir satu jam. Yang cuba

disampaikan ialah supaya anak-anak zaman kini tidak melupakan budaya dan adat resam generasi terdahulu. Sekali imbas, Tarian Lebok Dana dipersembahkan seolah-olah seperti sebuah teater muzikal.

Yang memeriahkan lagi Pesta Kaul ialah beberapa aktiviti sampingan lain. Untuk tahun 2005, Pesta Kaul telah diadakan di beberapa tempat utama iaitu Tebingan Sungai Mukah (untuk acara safari memancing kategori laut dan kategori tebing sungai), Dewan Suarah Mesra Mukah dan di Pantai Kala Dana. Di pantai ini terdapat gerai komuniti, gerai pameran, jualan hasil tempatan, pertandingan fesyen, koir & karaoke kanak-kanak, pertandingan layang-layang dan gasing, pertandingan karaoke terbuka, pertandingan kraf tangan, pertandingan sukan rakyat, pertandingan fesyen pakaian tradisional Melanau, pertandingan bola sepak pantai, pertandingan bot berhias, dan persembahan kebudayaan dan hiburan.

Ketua Menteri Sarawak, Pehin Sri Dr. Abdul Taib Mahmud bersama isteri turut hadir untuk memeriahkan lagi Pesta Kaul. Yang turut hadir ialah Timbalan Ketua Menteri, Datuk Alfred Jabu Anak Numpang, Menteri Pelancongan Persekutuan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad dan Menteri Muda Sarawak, Datin Hajah Fatimah, Residen Bahagian Mukah Hj. Sarudu Hj. Hoklai, Walikota Majlis Daerah Dalat/Mukah (MDDM) Ali Suhaili, Pengurus Dewan Suarah Mesra Mukah Hj. Awang Adeni Hj. Awang Mohsen turut hadir. Dengan kehadiran orang kuat Sarawak, sekali gus telah membuktikan bahawa Pesta Kaul sangat meriah.

Suatu yang unik, menjadi identiti Pesta Kaul ialah Serahang dan Permainan Tibow. Sera-

Tradisi



Tibow, yang menguji keberanian individu, antara permainan dalam Pesta Kaul.

hang ialah lambang penyataan simbolik yang mempunyai motif tertentu. Serahang dibuat daripada daun niah dan buluh. Serahang akan didirikan di seluruh tapak gerai komuniti dan sekitar tapak pesta. Menurut Jeniri Amir dan Awang Azman Awang Pawi (Kaul Suatu Interpretasi Budaya, 2001), motif serahang dan makanan yang dipersembahkan di dalamnya membayangkan kosmologi dan sistem kepercayaan Melanau Liko yang percaya akan kewujudan ipok dan makhluk halus.

Permainan Tibow pula sejenis permainan untuk menguji keberanian seseorang kerana hanya mereka yang berani sahaja akan berani melompat dari anak tangga yang dibuat menggunakan kayu ke buaian yang disediakan. Permainan Tibow bertujuan untuk menyambut ketibaan musim bunga dan melalui permainan ini, mereka akan memohon agar rezeki agar dimudahkan, tanaman berbuah dengan lebat dan ikan di sungai dibanyakkan.

Zaman telah berubah. Pesta Kaul kini lebih kepada mengumpulkan etnik Melanau di suatu tempat dan memperkenalkan budayanya kepada masyarakat luar. Namun di sebalik Pesta Kaul versi terkini, masih terselit keunikan warisan bangsa Melanau di Bumi Kenyalang yang masih mengekalkan upacara tradisional yang disesuaikan mengikut peredaran masa.

Untuk versi terkini juga, Pesta Kaul tidak hanya disambut oleh hanya etnik Melanau, malah bangsa lain yang ingin mengenali budaya warisan bangsa. Malah, Pesta Kaul turut dihadiri oleh pelancong asing. Pesta Kaul telah berupaya menghimpunkan etnik Melanau di satu tempat bersama bangsa lain sekali gus menghidangkan satu manifestasi budaya dari aspek pakaian, kraf tangan, makanan, permainan dan tarian. Pesta Kaul juga telah berupaya untuk dijadikan acuan penyatuan kepelbagaian masyarakat Malaysia yang berbilang agama, bangsa dan pertuturan.